

SIARAN AKHBAR

CBMR-5-RFI-31-CSRAWARDS-V1

24 DISEMBER 2010

UNTUK SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA MENERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS UNTUK PROGRAM CSR

Kuala Lumpur (24 Disember, 2010) - CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah kawalselia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah dikurniakan Anugerah Penghargaan Khas untuk program *Corporate Social Responsibility [CSR]* oleh Jawatankuasa Kerjasama Belia ASEAN dan Suruhanjaya Belia Nasional Filipina sempena sambutan Hari Belia ASEAN ke-16 yang diadakan di Bandaraya Manila, Filipina pada 19 Disember 2010. Anugerah penghargaan ini diberikan tersebut dalam pelbagai program CSR.

Di antara program CSR yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia adalah projek **Tunas Cemerlang**, iaitu sebuah projek khas bersama Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Warga Miskin Bait Al-Amin - sebuah rumah kebajikan yang terletak di Parit, Perak Darul Ridzuan, di mana pelajar dari Universiti Teknologi Petronas [UTP] telah bertindak sebagai mentor di dalam program tersebut. Manakala projek **Kumpulan Harapan** pula diadakan untuk memberi motivasi dan inspirasi kepada tujuh jenis komuniti khas seperti orang kurang upaya, orang asli, mat rempit, golongan miskin, anak yatim dan warga emas. Projek Kumpulan Harapan pertama telah diadakan bersama 50 belia di daerah Batu Pahat, Johor di mana pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti gotong royong, ceramah mengenai CyberSAFE, sesi Motivasi dan Perkongsian Pengetahuan.

"Dalam memenuhi keperluan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami berhasrat untuk berkongsi dan *memberi balik* kepada masyarakat. Selain mandat yang diberikan oleh kerajaan, kami juga ingin memenuhi tanggungjawab kami dengan memberi sumbangan kepada masyarakat melalui pelbagai jenis program CSR. Kami ingin rakyat Malaysia mengamalkan etika positif sewaktu menggunakan internet dan menikmati kemajuan teknologi masa kini. Justeru, program CSR ini berdasarkan kepada fungsi utama kami untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai keselamatan siber." Kata Lt. Kol. Husin Jazri, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.



Anugerah penghargaan ini telah diterima oleh Y.A.Bhg Jeneral Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamad, Pengerusi CyberSecurity Malaysia di Manila. Pada sambutan Hari Belia ASEAN ke-16, CyberSecurity Malaysia turut mengadakan pembentangan mengenai projek-projek CSR yang disampaikan oleh Lt. Kol Mustaffa Ahmad, Ketua Acara Korporat, PR dan Protokol sewaktu sesi forum yang dipengerusikan oleh Christopher Lawrence S. Arnuco, Ketua dan CEO Suruhanjaya Pemuda Nasional, Filipina.

Sambutan Hari Belia ASEAN ke-16 merupakan sambutan tahunan yang diadakan oleh Jawatankuasa ASEAN Youth Cooperation (CAYC). CAYC ditubuhkan pada bulan September 1975 dan pada setiap tahun, sambutan ini dihos secara bergilir oleh negara-negara anggota ASEAN. Malaysia telah menjadi tuan rumah pada tahun 2009 sewaktu sambutan Hari Keselamatan Komputer Sedunia, di mana CyberSecurity Malaysia telah mengadakan sesi khas mengenai keselamatan siber kepada peserta Pasukan Sukarelawan Siber ASEAN. Seminar tersebut telah berjaya membawa sukarelawan pemuda ASEAN untuk mengenali dengan lebih dekat perkembangan terkini dunia ICT dan bergaul mesra dengan para peserta dari negara-negara anggota ASEAN dan seterusnya membantu mengurangkan jurang digital di kalangan belia seluruh ASEAN.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol. Husin Haji Jazri (Bersara) telah dianugerahkan **CSO ASEAN Award 2010** sempena Persidangan CSO ASEAN 2010 yang berlangsung di Bandaraya Ho Chi Minh, Vietnam pada 9 Disember 2010. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada Ketua Pegawai Keselamatan atau *Chief Security Officer* bagi rantau ASEAN. Para juri telah sebulat suara memutuskan untuk mengurniakan anugerah ini kepada Lt. Kol. Husin Haji Jazri (Bersara) yang dipilih atas daya usaha, sumbangan serta komitment beliau dalam membangun dan memperkembangkan industri keselamatan maklumat dan siber di Malaysia juga rantau ASEAN.

~ Tamat ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: www.facebook.com ("CyberSecurity Malaysia" fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my /

Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my